

Wang caruman KWSP perlu diurus cara bijak

KAKITANGAN awam yang memilih skim Kumpulan Skim Simpanan Pekerja (KWSP) seperti menerima 'durian runtuh' apabila berpeluang menukar ke skim pencen seperti diumumkan kerajaan baru-baru ini. Tentunya ini amat melegakan mereka yang kebanyakannya mahu kembali ke skim pencen sejak dulu lagi.

Malah sebagai penjawat awam yang memilih skim KWSP sejak 1993, saya sudah mengemukakan surat ke Jabatan Perkhidmatan Awam serta berpuhuh-puluh artikel memohon penambahbaikan kepada skim KWSP seperti memohon pengeluaran untuk mengerjakan haji dan lain-lain insentif, selain berusaha memohon pertukaran ke skim pencen semula, tetapi gagal.

Peluang ini diibaratkan seperti 'rezeki datang bergolek' secara tiba-tiba. Yang jelas penarum KWSP amat bertuah kerana menabung 'secara paksa' agak lama dan berpeluang meraikan hasil tabungan itu tidak lama lagi.

Namun, dalam keadaan kesan kegawatan ekonomi ini, saya ingin berkongsi pandangan agar kakitangan awam yang memilih skim KWSP membuat keputusan yang lebih menguntungkan, selain dapat menggandakan hasil tabungan mereka apabila wang mereka dicairkan.

Tabungan ini ada musuhnya, iaitu godaan perbelanjaan dan kawalan utama yang mesti dilakukan yang melawan nafsu berbelanja. Jadikan fokus berbelanja sebagai langkah terakhir selepas menguruskan wang yang diterima nanti.

Bagi mengelak penarum KWSP tidak terpedaya dengan pelbagai pelan atau skim yang merugikan, mereka perlu mendapatkan pandangan daripada golongan yang arif dan profesional dalam pengurusan kewangan keluarga.

Namun, perlu diingat bahawa ada sebahagian daripada mereka adalah ejen syarikat kewangan, tetapi tidak menjadi jurubicara profesional dalam hal membabitkan kewangan pelanggan.

Malah dalam banyak keadaan, mereka lebih mementingkan keuntungan dan banyak menyembunyikan maklumat kepada pelanggan.

Berdasarkan kajian yang saya lakukan, didapati hampir 80 peratus golongan profesional masih lemah dalam soal pengurusan kewangan. Disebabkan itulah kita harus mempelajari ilmu pengurusan kewangan dan dapat menyesuaikan keperluan kehidupan seharian kita.

Saya ingin menyarankan, iaitu langkah paling penting dan utama yang mesti diambil ialah dengan memastikan wang caruman itu digunakan untuk memenuhi akaun Tabung Haji dan mendaftar diri untuk mengerjakan ibadah haji atau umrah.

Kita harus mengambil peluang ini sementara kos haji masih lagi rendah dengan usia dan tubuh badan kita yang masih sihat. Langkah utama ini adalah untuk memastikan niat kita tercapai dalam usia lebih muda, selain menyebabkan musuh

utama kita, iaitu syaitan gagal mengaburi nafsu kita untuk berbelanja.

Dengan wang KWSP yang digunakan ke arah yang diridai Allah, insya Allah rezeki semakin bertambah dan membina ketakwaan yang lebih kepada Allah SWT.

Sikap menabung ini perlu diteruskan apabila potongan KWSP tidak lagi dilakukan. Pastikan agar tabungan ini diteruskan menerusi potongan skim simpanan insurans yang lebih terjamin pulangnya serta melindungi pendapatan kita.

Malah, ada pelbagai pelan yang memenuhi keperluan dan boleh disesuaikan dengan kemampuan kewangan bagi jaminan masa depan dan risiko yang tidak terduga.

Sebahagian caruman KWSP yang dikeluarkan boleh digandakan dengan memilih pelaburan dalam unit amanah yang terjamin dengan membeli unit saham yang harganya agak rendah dan amat berbaloi untuk jangka panjang.

Selain itu, kita patut me-

rebut dan menabung dalam ASB atau ASN yang boleh menjanjikan pulangan terjamin tanpa risiko pelaburan bagi keuntungan jangka pendek.

Akhirnya barulah kita memikirkkan apakah yang perlu dibelanjakan dengan sebahagian baki simpanan KWSP yang diperoleh. Namun, yang kerap berlaku ialah sikap masyarakat kita yang memilih untuk berbelanja dulu hasil simpanan yang diperoleh menerusi tabungan dan selepas itu baru merancang untuk menyimpan atau melabur sedangkan jumlah tabungan sudah terlalu susut akibat gelora berbelanja.

Dalam banyak keadaan kita berpeluang untuk memperkayakan diri sendiri, tetapi kita memilih untuk memberikan kekayaan kepada orang lain dengan perbelanjaan yang tidak diperlukan dalam kehidupan seharian.

CR LUKMAN MOIDIN,
Kuala Nerang,
Kedah.